

Pemuda PAS hantar memorandum kepada Agong bantah Taib jadi TYT Sarawak
Malaysian Insider
Feb 13, 2014

Pemuda PAS akan menyerahkan memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong esok bagi memohon baginda tidak melantik Tan Sri Abdul Taib Mahmud sebagai Tuan Yang Dipertua (TYT) Negeri Sarawak selagi beliau tidak "dibersihkan".

Menurut kenyataan Pengarah Pilihan Raya Pemuda PAS, Mohd Sany Hamzan (gambar), memorandum itu akan diserahkan jam 10.30 pagi esok di Istana Negara.

Tindakan Pemuda PAS ekoran cadangan Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (PBB) agar Taib dilantik sebagai TYT yang baru apabila tempoh Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng sebagai TYT tamat pada 28 Febuari.

Pemuda PAS melihat isu peletakan jawatan Taib sebagai ketua menteri pada hujung bulan ini sebagai sesuatu yang positif memandangkan sudah sampai masanya beliau berundur dan memberi laluan kepada pemimpin lain memimpin negeri itu.

Bagi mereka, kepimpinan negeri Sarawak perlu dipikul oleh seseorang yang baharu, lebih muda, segar dan bertenaga agar negeri itu dapat dipacu dengan sebaiknya.

Namun demikian, Pemuda PAS berasa kecewa kerana beliau akan dilantik pula sebagai TYT Sarawak selepas itu.

"Dengan reputasi beliau yang begitu buruk serta imejnya yang tercalar kerana dakwaan rasuah yang dilakukan semasa menjadi KM Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud tidak sepatutnya dilantik ke jawatan tersebut sebelum beliau terlebih dahulu dibersihkan melalui siasatan SPRM, polis dan lain-lain agensi," kata Sany dalam satu kenyataan hari ini.

Bagi Sany, Pemuda PAS melihat jawatan TYT Sarawak adalah untuk menyelamatkan Taib daripada

dakwaan undang-undang serta diheret ke mahkamah.

"Dalam hal ini, Pemuda PAS berasa kesal kerana Pergerakan Pemuda Umno bersikap membisu," kata Sany.

Sedangkan katanya, Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin merangkap Ketua Pemuda Barisan Nasional (BN) sendiri mengetahui rekod dan latar belakang Taib. termasuk mempunyai fail siasatan.

"Nampaknya Ketua Pemuda Umno/BN hanya berani menunjukkan taring pada lawan politik namun menikus apabila berhadapan dengan pemimpin rakan komponen sendiri serta tidak berani bertindak atas prinsip menegakkan kebenaran," katanya. – 13 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-pas-hantar-memorandum-kepada-agong-bantah-taib-jadi-tyt-sarawak>